

16/10/1998

Usah keliru tanggapan yang berniat jahat

PERBINCANGAN mengenai demokrasi sering berakhir dengan percanggahan pendapat. Barat menganggap merekalah pendukung demokrasi tulen sebaliknya masyarakat Timur mengibaratkan demokrasi Barat sebagai demokrasi hipokrit. Ketika beberapa negara ingin menegakkan pemerintahan sendiri melalui peti undi, demi mengelakkan peperangan yang berterusan, segala tindakan rakyat negara itu cuba disekat, seolah-olah mereka tidak yakin dengan kemampuan negara berkenaan untuk menguruskan negara mereka sendiri. Keadaan seperti ini pernah berlaku di Palestin, Afghanistan, Kampuchea dan beberapa negara lain.

Di negara yang sekian lama mengamalkan sistem demokrasi sekali pun, Barat masih mencuba untuk campur tangan dengan menggunakan 'dalil demokrasi cara mereka' sebagai alasan. Agak menghairankan mengapa negara yang secara sah dipilih oleh rakyat masih dianggap tidak demokratik, sedangkan proses penentuan sesebuah kerajaan menerusi pilihan raya sudah dijalankan. Sepatutnya setiap keputusan dan tindakan sesebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat, perlu disokong. Dalam sesebuah negara demokrasi, apa saja yang dirumuskan sama ada dalam konteks penggubalan undang-undang, penentuan dasar dan sistem kehakimannya, sepatutnya dihormati.

Malangnya, sokongan seperti itu tidak diberikan kepada Malaysia. Sebaliknya tindakan Malaysia disalah tafsir sebagai mencabul kesucian demokrasi. Sebagai contoh, di sesetengah negara lain yang pemimpinnya dipecat atau dikenakan sesuatu tindakan, suara yang sama tidak pun kedengaran. Tidak ada suara simpati yang boleh didengar. Apakah dengan memecat hanya seorang pemimpin boleh dianggap sebagai tidak lagi demokratik atau secara tiba-tiba kerajaan yang mendukung demokrasi itu terus dianggap sebagai pengamal pemerintahan kuku besi atau diktator.

Apa ertinya demokrasi jika pilihan rakyat menerusi peti undi, dipertikaikan, tambahan pula oleh orang luar yang tidak ada kena mengena dengan nasib rakyat negara ini. Jika undi rakyat diterima sebagai tonggak demokrasi dalam sesebuah sistem kerajaan, ia adalah sesuatu yang mutlak dan tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Negara Barat tidak boleh sekali-kali mengharapkan setiap negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi perlu mengikut acuan mereka.

Banyak faktor yang boleh membezakan pendekatan sesebuah negara dalam mengamalkan sistem demokrasi sama ada dari segi budaya, tahap kemajuan, taraf hidup, ketamadunan dan sebagainya. Jika Barat sendiri yang memecahkan sempadan geografi dunia dengan membezakan antara Dunia Pertama, Kedua dan Ketiga, mengapa harus mempertikaikan bentuk sistem demokrasi yang diamalkan di negara berkenaan. Asas kepada prinsip demokrasi ialah rakyat menentukan kerajaan mereka dan keputusan rakyat adalah keputusan mutlak.

Rakyat juga perlu faham kerajaan yang dipilih secara mutlak adalah kerajaan yang sah dari segi undang-undang. Rakyat menyokong setiap langkah yang dilakukan oleh kerajaan kerana mereka sendiri yang memilih kerajaan. Jika orang luar cuba menghasut rakyat mempertikaikan amalan demokrasi yang diamalkan di negara ini, adalah jelas mereka mahu memporak-perandakan keamanan di negara ini.

Bertindak di luar batasan undang-undang bermakna melakukan kesalahan undang-undang dan menolak demokrasi. Oleh itu, sebarang tindakan menyokong gerakan reformasi boleh ditakrif sebagai penentang demokrasi.

Di Malaysia, tidak perlulah kita menunjukkan kekuatan antara pengikut

demokrasi dan gerakan reformasi. Pengikut demokrasi adalah rakyat yang setia kepada negara sedangkan pendukung gerakan reformasi adalah golongan yang berasaskan diri mereka tercicir daripada arus perdana. Apa yang dibimbangkan, tindakan menentang kerajaan yang dipilih menerusi amalan demokrasi, mempunyai risiko yang tinggi.

Sebagaimana dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, negara akan mengalami huru-hara jika proses demokrasi dan kehakiman diganggu dan diketepikan. Pada kita sesiapa yang cuba mempertikaikan proses demokrasi dan kehakiman di negara ini, bermakna mereka sebenarnya antidemokrasi. Oleh itu, rakyat tidak seharusnya keliru dengan tanggapan yang berniat jahat itu. Matlamat memburukkan sistem di negara ini adalah bermotif jahat.

(END)